



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



22 Mac 2018

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Skim Penstabilan  
Harga Minyak Masak Di Bawah Kementerian Perusahaan,  
Perladangan dan Komoditi (KPPK).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 8 Disember 2016 dengan memanggil Ketua Setiausaha KPPK Datuk M Nagarajan dan Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah Lembaga Sawit Malaysia bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.

- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Prestasi Pemegang Kuota di bawah COSS;
  - ii) Penetapan Kuota COSS;
  - iii) Pengagihan Kuota Pembungkus Sementara; dan
  - iv) Pelantikan Pihak Ketiga Bagi Aktiviti Pembungkusan Minyak Masak.

- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:

PAC Parlimen berpendapat langkah kerajaan memutuskan KPDKKK mengambil alih pengurusan subsidi minyak masak daripada KPPK adalah tepat oleh kerana minyak masak adalah barang kepenggunaan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK). Selain itu, kerjasama antara Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan dalam melaksanakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya ketirisan tidak berlaku yang boleh menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan jumlah subsidi yang besar untuk COSS.

- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
  - i) Meminta pihak yang berkepentingan supaya mengkaji semula sistem dan mekanisme pemantauan minyak masak dengan lebih berkesan.

- ii) Mempertingkatkan pemantauan melalui penguatkuasaan antara Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan selain membabitkan NGO seperti Persatuan Pengguna bagi mengelakkan berlakunya masalah kekurangan minyak masak dalam pasaran tempatan sekali gus menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung jumlah subsidi yang besar.
  - iii) Memastikan kuota minyak masak diberikan kepada pengusaha yang benar-benar layak dan mempunyai kilang sendiri serta *track record* yang baik.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC berhubung Pengurusan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia